




# PERPUSTAKAAN USIM Taman Ilmu di Bumi Minang

**Nor Azzah Momin**

Ketua Pustakawan

Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia



**U**niversiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang terletak di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan ditubuhkan bagi mendukung hasrat dan matlamat melahirkan ilmuwan Islam yang mempunyai penguasaan ilmu yang bersepadu antara teori dengan amali, duniawi dengan ukhrawi. Matlamat ini seiring dengan moto universiti, iaitu “Menerajui Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli”. Selain ingin meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul, USIM juga berhasrat membekalkan para profesional Muslim yang kukuh dengan penghayatan nilai-nilai Islam, di samping menguasai teknologi terkini sebagai wahana untuk berbakti kepada masyarakat.



Sejajar dengan itu, Perpustakaan USIM telah dibina sejak awal penubuhan USIM, iaitu pada pertengahan tahun 2000, bagi menyokong pencapaian hasrat murni USIM tersebut dengan menyediakan pelbagai koleksi bahan rujukan yang bersesuaian mengikut keperluan warganya. Selain itu, perpustakaan ini turut menyediakan kemudahan ruang dan kemudahan teknologi maklumat; serta perkhidmatan rujukan dan sokongan dalam usaha membantu warga USIM memanfaatkan koleksi dan kemudahan yang ada secara maksimum.

Kini, setelah hampir 20 tahun penubuhannya, terdapat lebih 120 ribu naskhah bahan bacaan bercetak daripada pelbagai jenis bahan bacaan seperti buku, majalah, jurnal dan akhbar. Koleksi bahan bacaan yang ada turut merentasi pelbagai bidang ilmu naqli dan akli, seperti al-Quran, Tafsir, Hadis, Sejarah, Tamadun, Fiqah, Psikologi, Ekonomi, Undang-undang, Syariah, Fatwa, Sains, Bahasa, Kejuruteraan dan Teknologi. Terdapat juga buku-buku motivasi, biografi, autobiografi, novel dan cerpen. Kesemua bahan bacaan ini boleh didapati dalam bahasa Melayu, bahasa Arab, bahasa Inggeris dan beberapa bahasa lain, seperti Mandarin dan Jepun.

Sememangnya, kehebatan para ilmuwan Islam diakui sepanjang zaman. Mereka juga dikenali dengan hasil penulisan mereka yang kekal sebagai rujukan hingga kini. Tokoh seperti para imam mazhab yang empat, Imam al-Ghazali, Imam al-Tabari, Ibn Kathir, Imam Nawawi dan Muhammad 'Ali al-Sabuni, mempunyai koleksi tulisan yang hebat. Perpustakaan USIM memiliki banyak koleksi buku hasil tulisan tokoh-tokoh besar ini dalam bentuk bercetak dan dalam bentuk digital.

Kepelbagaian koleksi terpilih yang terdapat di Perpustakaan USIM menjadikan perpustakaan ini sangat istimewa dan menjadi tarikan kepada pengunjung. Antara koleksi tersebut termasuklah bahan ilmu yang menggabungkan antara naqliah dengan akliah dalam setiap koleksi; menyimpan koleksi perseorangan tokoh diwakafkan kepada USIM; dan koleksi fatwa sedunia yang dihimpunkan untuk dimanfaatkan oleh pengunjung.

Menepati hasrat USIM untuk menjadi peneraju dalam pengintegrasian ilmu naqliah dan akliah, maka koleksi bahan bacaan yang terdapat di perpustakaan ini juga merupakan gabungan kedua-dua ilmu ini. Pada asasnya, susunan bahan bacaan di perpustakaan ini dibuat berpandukan *Library of Congress Subject*

*Heading* dan pengelasan menggunakan *Library of Congress Classification System*. Kedua-dua sistem ini merupakan sistem yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa.

Dari segi penyusunan, bahan bagi sesuatu subjek akan diletakkan dalam satu kelompok walaupun berlainan bahasa, atau diletakkan di rak berdekatan bagi subjek yang sama, tetapi berlainan sudut pandang agama, berlainan lokasi geografi, dan sebagainya. Susunan sebegini dilakukan bagi memudahkan rujukan dibuat oleh para penyelidik. Malah, pihak perpustakaan juga berusaha sedaya upaya untuk menambah bahan bacaan yang dihasilkan oleh penulis daripada berbagai-bagai latar belakang bagi memberikan peluang kepada pengguna meneroka secara meluas ilmu dalam sesuatu bidang yang dikaji.

Perpustakaan ini juga sangat istimewa kerana memiliki koleksi perseorangan tokoh-tokoh Islam yang telah memberikan sumbangan wakaf bahan bacaan milik mereka untuk manfaat umum. Para ulama ini terdiri daripada tokoh ulama di Malaysia, seperti Tan Dato' Sri Abdul Kader Talib, mantan Mufti Wilayah Persekutuan; Datuk Haji Mohamad Mortadza Haji Daud, mantan Mufti Sarawak; Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin, mantan Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, yang juga mantan Pengerusi Lembaga Pengarah USIM dan mantan Naib Canselor USIM yang pertama, serta koleksi beberapa tokoh lain. Terdapat lebih daripada 4000 naskah dalam Koleksi Perseorangan di Perpustakaan ini yang pastinya dapat memberikan gambaran terhadap latar ilmu seseorang tokoh.

Di samping itu, kewujudan bahagian Koleksi Fatwa Sedunia yang dimiliki oleh Perpustakaan USIM memberikan nilai tambah yang paling istimewa bagi perpustakaan ini. Pembangunan koleksi ini pada peringkat awalnya diusahakan oleh sekumpulan pakar dalam bidang fatwa ini, iaitu Institut Fatwa Sedunia USIM. Hingga kini, terdapat lebih 1200 judul (hampir 4000 naskah) koleksi fatwa dari seluruh dunia yang boleh diperolehi di perpustakaan ini.

Rekod maklumat bibliografi bagi bahan bacaan yang terdapat di Perpustakaan USIM boleh dirujuk melalui sistem yang boleh dicapai secara dalam talian bagi membolehkan para pengguna menyemak terlebih dahulu judul yang ada. Hal ini dapat menjimatkan masa pengguna dengan hanya berkunjung ke perpustakaan setelah bahan yang




**“Kewujudan Perpustakaan USIM di persekitaran Bandar Baru Nilai yang telah dijenamakan sebagai sebuah bandar ilmu oleh Kerajaan Negeri Sembilan, dapat menjadi pemangkin kepada budaya ilmu yang subur.”**

dicari dapat dipastikan wujud di Perpustakaan USIM. Bagi bahan berbahasa Arab, maklumat bibliografi yang disediakan oleh Perpustakaan USIM memaparkan maklumat bahan dalam tulisan asal, iaitu dengan tulisan Arab, selain daripada tulisan yang telah dirumikan. Kaedah ini sangat membantu para pengguna untuk mencari bahan kerana ketepatan ejaan dalam tulisan Arab lebih memudahkan mereka. Keupayaan Perpustakaan USIM menyediakan maklumat yang lengkap ini telah mendapat pengiktirafan daripada Perpustakaan Negara Malaysia, sebagai maklumat katalog bahasa Arab yang paling lengkap dalam kalangan perpustakaan di Malaysia.

Memandangkan tiada sebuah perpustakaan awam yang lengkap dibina untuk orang awam di daerah Nilai hingga kini, maka atas rasa tanggungjawab terhadap masyarakat sekitar, mulai bulan Oktober tahun 2018, Perpustakaan USIM telah dibuka kepada orang awam, berbanding dengan sebelumnya yang hanya terhad kepada warga USIM sahaja dan warga universiti awam yang lain. Hal ini membolehkan orang ramai masuk ke Perpustakaan USIM secara percuma bagi menggunakan kemudahan ruang bacaan untuk membaca dan membuat rujukan. Perpustakaan ini menyediakan lebih 1500 tempat duduk untuk keselesaan pengunjung.



*Ruang untuk pengunjung Perpustakaan USIM.*



*Ruang makmal komputer.*



Rak terbuka Perpustakaan USIM.



Rak koleksi majalah.

Bangunan Perpustakaan berketinggian empat tingkat ini juga menyediakan ruang yang sesuai untuk dinikmati. Bagi mereka yang ingin bersendirian, terdapat meja karek dan bilik karek disediakan khusus untuk mereka yang selesa membaca, atau membuat kerja secara individu, manakala bagi mereka yang datang secara berkumpulan atau suka membaca dengan suasana ramai orang, terdapat ruang bacaan yang terbuka untuk mereka. Sementara itu, bagi mereka yang ingin mengadakan perbincangan dalam bentuk berkumpulan dan tertutup, perpustakaan ini mempunyai 10 buah bilik perbincangan yang boleh ditempah mengikut keperluan.

Di samping itu, perpustakaan ini turut dilengkapi dengan bilik seminar, bilik mesyuarat, makmal komputer, bilik tayangan dan bilik audio yang boleh digunakan selepas membuat tempahan awal.

Sememangnya, kewujudan Perpustakaan USIM ini di persekitaran Bandar Baru Nilai yang telah dijenamakan sebagai sebuah bandar ilmu oleh Kerajaan Negeri Sembilan, dapat menjadi pemangkin kepada budaya ilmu yang subur, serta amalan baik di daerah Seremban khususnya, dan Negeri Sembilan amnya. Bak kata pepatah “benih yang baik, dicampak ke tanah menjadi gunung, dicampak ke laut menjadi pulau”. Semoga kelak akan lahir generasi ilmuwan dan pemimpin negara dari bandar ilmu di bumi Minang ini. **DTI**